

16.3.2026
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

PBA HOLDINGS BHD TERSENARAI DALAM “BURSA MALAYSIA QUALITY 50 INDEX”

- **GLC Negeri Pulau Pinang pertama yang tersenarai dalam *Bursa Malaysia Quality 50 Index***
- **Salah satu daripada dua syarikat utiliti yang tersenarai dalam indeks berkenaan**
- **Metrik utama indeks: keuntungan, struktur modal dan kualiti pendapatan**

PULAU PINANG, Isnin, 16.3.2026: PBA Holdings Bhd (PBAHB – 5041) menjadi syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (GLC Negeri Pulau Pinang) yang pertama disenaraikan dalam Bursa Malaysia Quality 50 Index (Indeks BMQ50).

Indeks BMQ50 menampilkan 50 syarikat tersenarai awam (PLC) teratas (tidak termasuk syarikat dalam FBMKLCI*) dari segi “kualiti kewangan”, yang ditentukan berdasarkan kriteria berikut:

- Keuntungan: pulangan ke atas ekuiti;
- Struktur modal: nisbah hutang kepada ekuiti; dan
- Kualiti pendapatan: aliran tunai operasi berbanding keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti.

* Syarikat FBMKLCI ialah 30 syarikat terbesar di Malaysia (berdasarkan permodalan pasaran penuh) yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia. Prestasi 30 syarikat tersenarai awam berstatus *blue chip* ini membentuk prestasi Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI), iaitu penanda aras kewangan yang mencerminkan kedudukan keseluruhan pasaran saham Malaysia.

Dilancarkan pada 12 Januari 2026, Indeks BMQ50 merupakan indeks dalaman pertama Bursa Malaysia yang menampilkan syarikat tersenarai awam (PLC) bukan FBMKLCI yang mempunyai asas kewangan yang relatif kukuh. Bursa Malaysia memilih syarikat-syarikat dalam Indeks BMQ50 melalui proses yang telus dan berasaskan peraturan yang ditetapkan.

Indeks ini diterbitkan di laman web Bursa Malaysia sebagai rujukan para pelabur. Senarai syarikat dalam indeks ini akan disemak setiap tahun, iaitu pada Jun dan

Disember. Hanya dua PLC dalam kategori utiliti disenaraikan dalam Indeks BMQ50, iaitu PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan Gas Malaysia Berhad.

PBAHB berbangga mewakili Pulau Pinang dalam Indeks BMQ50. Penyertaan PBAHB dalam indeks ini jelas menunjukkan bahawa PBAHB mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. PBAHB juga terus memberikan pulangan yang sewajarnya kepada para pemegang saham serta mematuhi prinsip pengurusan kewangan yang bertanggungjawab sebagai sebuah PLC di Malaysia.

Latar Belakang PBAHB

PBA Holdings Bhd (PBAHB) merupakan syarikat pegangan bagi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP). PBAPP ialah operator bekalan air yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk menyediakan perkhidmatan bekalan air di Negeri Pulau Pinang.

Pada tahun 2025, PBAPP membekalkan purata 865 juta liter air terawat sehari (JLH) di Pulau Pinang. Sampel air terawat PBAPP telah diambil dan diuji serta didapati mematuhi parameter yang ditetapkan di bawah Program Jaminan Kualiti (QAP) Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sehingga 31.12.2025, pangkalan pelanggan PBAPP merangkumi 721,066 pengguna air berdaftar, terdiri daripada 619,125 pengguna domestik (85.9%) dan 101,941 pengguna bukan domestik (14.1%). Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang menghadapi tekanan sumber air kerana mempunyai sumber air mentah yang terhad akibat keluasan tanah yang terhad. Namun begitu, tiada krisis bekalan air besar berlaku di Pulau Pinang pada tahun 2025, walaupun tahun tersebut merupakan tahun El Niño yang panas dan kering.

Pada tahun 2024, hasil PBAPP daripada jualan air dan perkhidmatan bekalan air menyumbang sebanyak RM455,385,206 (86.31%) daripada jumlah keseluruhan hasil PBAHB sebanyak RM527.603 juta.

Bagi tahun kewangan 2024, PBA Holdings Bhd (PBAHB) melaporkan:

- Keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM144.167 juta;
- Ekuiti pemegang saham sebanyak RM1,066.686 juta;
- Pendapatan sesaham (EPS) sebanyak RM0.4356; dan
- Aset ketara bersih sesaham (NTA) sebanyak RM3.22.

PBA Holdings Bhd (PBAHB) telah membayar dividen sebanyak 4.5 sen sesaham bagi tahun kewangan 2024 pada tahun 2024 dan 2025. Malah, tahun 2025 menandakan tahun ke-24 berturut-turut PBAHB membayar dividen kepada para pemegang saham.

Pengerusi Lembaga Pengarah PBAHB ialah YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang. Ahli-ahli lembaga lain yang mewakili Kerajaan Negeri ialah YAB

Timbalan Ketua Menteri I Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Seri Haji Zulkifli bin Long dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Tuan Zairil Khir Johari.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : comms@pba.com.my